

PENDIDIKAN AWAL SEBELUM KE SEKOLAH

Harian Metra 17/2/2011

Contohnya kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun dunianya bukan sekadar mewarna kartun, menulis A hingga Z, membilang 1 hingga 10 dan menyanyikan lagu yang mudah tetapi sebenarnya kebolehan mereka melangkaui apa yang difikirkan oleh orang dewasa.

Mereka ini seperti span yang mampu menyerap cecair dengan cepat pada persekitarannya.

Lagipun kajian membuktikan kanak-kanak awal usia ini mampu membuat campur dan tolak serta menyatakan perhubungan sebab dan akibat daripada sesuatu perkara.

Mengikut pendapat beberapa pakar pendidik, kanak-kanak awal usia ini belajar daripada segala apa yang mereka lakukan. Mereka secara semula jadinya bersifat peka dan gemar meneroka dunia di sekelilingnya.

Kanak-kanak yang menerima sokongan dan galakan yang betul sepanjang tahun awal tumbesaran mereka akan membentuk peribadi yang lebih baik dalam dunia persekolahan mereka kelak.

Sebab itulah ibu bapa mesti ingat bahawa setiap kanak-kanak belajar dengan cara dan kecepatan yang berbeza. Pendekatan pengajaran merentasi sempadan mampu melahirkan kreativiti dan potensi atau sebaliknya menumpulkan minat anak untuk belajar.

Oleh itu, adalah sangat penting anda memilih pra sekolah yang menerapkan metodologi lebih fleksibel dan menyediakan persekitaran yang menggalakkan di samping perkembangan pemikiran holistik.



MELIHAT kanak-kanak berusia tujuh tahun melangkah ke tahun satu sememangnya mencuit hati dengan aksi dan reaksi pelbagai ragam.

Ada yang terlalu teruja dan sangat gembira dengan alam baru. Sebaliknya, ada yang menangis kerana takut dan tidak mahu berpisah dengan ibu bapa.

Bagi mengelak perasaan takut dan terasa diri ketinggalan adalah menjadi satu kepentingan dan kewajipan buat ibu bapa hari ini menghantar anak ke pra sekolah atau mana-mana pusat bimbingan kanak-kanak.

Tidak sukar memilih pusat bimbingan kanak-kanak atau tadika kerana di setiap kawasan perumahan ada banyak tadika atau pra sekolah yang menawarkan pelbagai konsep pendidikan bagi memenuhi keperluan pembelajaran semasa.

Bagi kebanyakan ibu bapa, ramai yang menganggap pra-sekolah



adalah tempat untuk anak berseronok dan mempelajari sesuatu yang baru, manakala sesetengahnya pula berharap pra-sekolah dapat memberikan satu permulaan yang baik kepada dunia akademik anak mereka.

Sebenarnya, pra-sekolah perlu menjadi satu perkara

penting iaitu tempat yang memberi asas kepada pembelajaran untuk masa depan anak.

Ini kerana, kemahiran akademik sangat penting walaupun yang lebih penting ialah sikap dan kasih sayang yang diberikan sepanjang tempoh belajar.

Apapun, bagi kanak-kanak yang baru mahu mengenal kehidupan, meneroka dunia baru melalui pembelajaran peringkat awal memberi kesan yang positif kepada anak untuk pembesarannya.

Maka sebab itulah ibu bapa perlu bijak memilih pra-sekolah yang mana benar-benar baik untuk anak. Ia bukan saja berdasarkan kepada reputasi sekolah itu tetapi juga bagaimana sekolah itu mampu memberikan didikan positif dan pembelajaran yang membina kepada anak.

